

TARIKH	JUMAAT, 8 DISEMBER 2023
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	PELAN TINDAKAN BIOJISIM TANGANI ISU ALAM SEKITAR
M/S	24
BIDANG	ENERGY
KATA KUNCI	ENERGY

Pelan Tindakan Biojisim tangani isu alam sekitar

Inisiatif dirancang babit seluruh ekosistem di semua sektor berkaitan

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bh.com.my

Kerajaan memperkenalkan Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023-2030 (PTBN2030) sebagai satu lagi inisiatif progresif dalam menangani isu alam sekitar serta perubahan iklim.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof, berkata inisiatif PTBN2030 akan membabitkan seluruh ekosistem yang dinamik, bermula daripada perancangan, kawal selia, penilaian semula sektor biojisim dan juga pembekalan serta permintaan pasaran.

Beliau yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi (KPK) berkata, fokus utama Kementerian adalah terhadap sumber biojisim yang banyak terdapat di lima sektor iaitu, perladangan, perhutanan, pertanian, penternakan dan perikanan.

Potensi biojisim daripada sektor itu katanya, dianggarkan berjumlah 182 juta tan metrik setahun yang mana hampir 90 peratus diperolehi daripada industri biojisim perladangan.

Katanya, pelaksanaan inisiatif di bawah PTBN2030 juga dijangka akan meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan langsung dalam negara (DDI) dalam industri biojisim kepada RM3 bilion dan mencipta sekitar 3,000 peluang pekerjaan.

"Pelan tindakan akan mendukung tiga daripada enam tonggak dasar Malaysia MADANI iaitu kemampanan, kesejahteraan



Fadillah ketika melawat gerai pameran selepas merasmikan Majlis Persidangan Biojisim Negara 2023 dan Pelancaran Tindakan Biojisim Negara 2023-2030 di Putrajaya.
(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)

dan ihsan yang dilihat begitu sinonim dengan konteks alam sekitar.

"Malah kerangka Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023-2030 adalah selaras dengan dokumen Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) yang telah memberikan tumpuan khusus kepada industri biojisim dalam menjana nilai eksport produk berasaskan biojisim ke arah menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) berdasarkan konsep ekonomi kitaran," katanya ketika melancarkan Pelan Tindakan Biojisim Negara 2023-2030, di Putrajaya, semalam.

Mengulas lanjut, Fadillah berkata, kerajaan menyedari keperluan tindakan pemulihan serta sokongan bagi menyerlahkan potensi pertumbuhan industri biojisim negara.

Justeru itu beliau berkata, pelan tindakan itu turut dibangunkan berdasarkan dokumen Dasar

Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) dan dasar yang berkaitan daripada Kementerian dan agensi kerajaan yang terbabit.

Lima teras utama

Pelan itu katanya, dirancang dengan penajajaran terhadap lima teras DAKN2030 iaitu kemampanan, produktiviti, penajanaan nilai, pembangunan pasaran dan ketenterangan serta 17 Teras Strategik DAKN2030.

"Malah selari dengan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), PTBN2030 juga turut menyasarkan pelaksanaan projek co-firing di stesen jana kuasa elektrik, iaitu pembakaran bahan api campuran antara arang batu dengan pelet biojisim.

"Ia bertepatan dengan sasaran tenaga lestari ke arah 70 peratus power generation energy mix men-

jelang 2050 yang akan menjadi *game changer* dalam sektor tenaga negara," katanya.

Fadillah berkata, disamping itu, PTBN2030 juga turut menyasarkan penubuhan Hab Biojisim bagi melaksanakan proses pengumpulan bahan mentah biojisim secara berpusat dan teratur.

Beliau berkata, Hab Biojisim itu akan dapat memainkan peranan yang berkesan dalam menggerakkan rantaian bekalan biojisim negara secara sistematik dan efisien.

Katanya, kerajaan yakin dengan sokongan padu semua pihak, sektor biojisim akan menjadi pemangkin kepada ekonomi negara, sekali gus membuka lebih banyak peluang pekerjaan serta menyumbang kepada penambahan pendapatan isi rumah, khususnya kepada pekebun kecil agrikomoditi negara.

**DISEDIAKAN
OLEH**

PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM